

## CARA MEMOHON

1. Permohonan boleh dikemukakan mulai **18 DISEMBER 2009** melalui cara berikut:
  - i. Pemohon boleh melayari laman web <http://www.usm.my/kemasukan> secara percuma untuk muat turun borang permohonan.
  - ii. Borang perlu **dicetak** dan diisi lengkap kemudian dihantar bersama **Kiriman Wang/Wang Pos** [cek peribadi tidak diterima] sebanyak RM60.00 atas nama Universiti Sains Malaysia sebelum **18 JANUARI 2010** (Sila lihat Bahagian Rujukan untuk mengetahui Panduan Mengisi Borang Permohonan).
  - iii. Pemohon mestilah memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas Program Pengajian** seperti dalam laman web.
  - iv. Borang Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan sertakan bersama **satu (1)** salinan Kad Pengenalan, keputusan peperiksaan dan dokumen akademik lain yang berkaitan. Semua dokumen hendaklah **disahkan** oleh **Pegawai Kerajaan Kumpulan A**.
  - v. Borang Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan.
  - vi. Borang Permohonan yang **tidak lengkap** dan tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan (ii & iv) tidak akan diproses.
2. Borang Permohonan lengkap hendaklah sampai pada **18 JANUARI 2010**. Permohonan lewat tidak akan dipertimbangkan.
3. Sila **tuliskan** pilihan Corak Kemasukan yang dipohon sama ada **SALURAN KEDUA** atau **KEMASUKAN KHAS** atau **WARGA SUKAN** atau **WARGA BUDAYA** atau **WARGA EMAS** di luar sudut kiri sampul surat tersebut.
4. Semua calon yang memohon wajib menduduki dan melepassi Munsyl yang akan diadakan pada **06 Febuari 2010** di USM Induk, Pulau Pinang dan USM Kelantan.
5. Bagi permohonan **WARGA SUKAN**, **WARGA BUDAYA** dan **WARGA EMAS** calon yang berkelayakan akan dipertimbangkan **yuran pengajian separuh harga**.
6. Sila hantarkan Borang Permohonan ke alamat berikut:

**UNIT PENGAMBILAN & KEMASUKAN  
BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK  
JABATAN PENDAFTAR  
ARAS 2, BANGUNAN CANSELORI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM, PULAU PINANG**
7. Bagi program yang memerlukan ujian dan temuduga, calon yang layak boleh menyemak melalui laman web <http://www.usm.my/kemasukan> pada 19 Februari 2010. Keputusan permohonan akan dimaklumkan pada April 2010.

- Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

[admissions@notes.usm.my](mailto:admissions@notes.usm.my)

Talian: 1 300 888 876

Faks : 04-6533328